

# ADAB PERAWAT DENGAN PESAKIT SERTA TATACARA MENGHADAPI PESAKIT NAZAK

Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir<sup>1</sup>

## PENDAHULUAN

Dalam Islam, adab dan akhlak merupakan satu elemen yang penting. Begitu juga adab dalam aspek rawatan. Oleh itu, perawat sewajarnya mengikut lunas-lunas adab dalam berinteraksi dengan pesakit. Berikut beberapa adab sebagai seorang perawat dan bagaimana menghadapi suasana pesakit nazak.

## RAWATAN DAN TAWAKKAL

Usaha rawatan bagi penyakit adalah termasuk dalam perkara yang disuruh dalam Islam. Sabda Nabi s.a.w.<sup>2</sup>:

تداووا فإن الله تعالى لـم يضع داء إلا وضع له دواء غير داء واحد الـهرم

“Berubatlah. Maka sesungguhnya Allah tidak menurunkan satu penyakit kecuali Allah menetapkan bagi sesuatu penyakit akan ubat kecuali satu penyakit iaitu tua”.

Berusaha mendapatkan rawatan tidak menafikan tawakkal kepada Allah. Ini kerana tawakkal bermaksud pergantungan kepada Allah. Kesembuhan daripada Allah. Maka kita berusaha mendapatkan rawatan seterusnya menyerahkan urusan kesembuhan kepada Allah.

Kaedah rawatan adalah pelbagai. Islam tidak menetapkan satu kaedah rawatan. Maka istilah rawatan Islam adalah istilah yang tidak tepat. Istilah rawatan Islam bagi rawatan tertentu seolah-olah Islam menafikan kaedah rawatan moden dan perubatan hospital. Oleh itu, rawatan moden juga termasuk dalam rawatan yang dibenarkan oleh Islam. Maka Islam menerima apa sahaja kaedah rawatan selagi mana ia tidak bertentangan dengan Islam.

Perawat hendaklah meletakkan kesembuhan kepada Allah, bukan kepada ubat. Ubat adalah sebab. Penyembuh adalah Allah.

## NIAT IKHLAS

Niat ikhlas kerana Allah. Islam memerintahkan agar sesuatu penyakit diubati. Maka niat perawat adalah ingin membantu pesakit bagi mendapatkan kesihatan yang lebih baik.

## MENINGATKAN PESAKIT BAHAWA PENYAKIT ADALAH UJIAN TUHAN

Selain tugas utama untuk diagnos penyakit dan menawarkan rawatan yang sewajarnya, perawat juga sewajarnya mengingatkan pesakit tentang ujian Tuhan jika

---

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

<sup>2</sup> Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, no hadis 3855.

wujud keperluan. Contohnya pesakit yang bermacam putus asa, banyak mengeluh dan sikap yang menampakkan tidak redha dengan penyakit. Nas al-Quran menyatakan:

“Dan Kami akan menguji kamu dengan sesuatu dari perasaan takut, rasa lapar serta kurang pada harta, nyawa dan buah-buahan, dan berilah berita gembira kepada insan yang sabar. Iaitu insan yang apabila musibah menimpanya maka mereka berkata sesungguhnya kita bagi Allah dan sesungguhnya kita akan kembali kepada Allah. Itulah golongan yang mendapat limpahan rahmat daripada Tuhannya, dan itulah golongan yang mendapat petunjuk”. (Surah al-Baqarah (2) : 155 – 157).

## **PROFESIONAL**

Hendaklah bersikap profesional dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Maka tidak seharusnya bersikap sambil lewa semasa merawat pesakit.

## **MENJAGA RAHSIA**

Ada penyakit yang menjadi aib dan memalukan. Maka menjadi kewajipan perawat untuk menjaga rahsia pesakit. Ini sesuai dengan sabda Nabi s.a.w.<sup>3</sup>:

لا يستر عبد عبدا في الدنيا إلا ستره الله يوم القيامة

“Tiadalah daripada seorang insan yang menutup aib seorang hamba yang lain di dunia melainkan Allah akan menutup aibnya (insan) pada hari Qiyamat”.

Menjaga rahsia ini amat penting. Ia tidak boleh didedahkan melainkan wujud keadaan dharurat. Maka Imam al-Nawawi menyatakan bab bagi hadis ini:

باب ستر عورات ال-مسلمين والنهي عن إشاعتها لغير ضرورة

“Bab menutup aib muslim dan tegahan menyebarkannya tanpa dharurat”.

Para doktor terikat dengan etika kedokteran. Maka para perawat dan insan yang terlibat dalam bidang perubatan hendaklah amanah menjaga rahsia pesakit.

Antara etika kedokteran ialah tidak mendedahkan penyakit seorang pesakit kepada sesiapa pun tanpa keizinan pesakit. Bagaimana jika penyakit berjangkit. Contohnya HIV positif dan AIDS. Adakah harus didedahkan rahsia penyakit ini kepada pasangan pesakit?

## **TIDAK MEMANDANG JELEK**

Tidak memperlekehkan pesakit atau penyakit yang dihadapinya. Tidak memperlekehkan pesakit dengan penyakit yang berdasarkan genetik keturunan. Nas al-Quran menyatakan:

---

<sup>3</sup> Riwayat Muslim. Lihat Ibn 'Allan, *Dalil al-Falihin li Turuq Riyadh al-Solihin*, no hadis 240.

Perawwahai orang beriman! janganlah satu kaum menghina kaum yang lain kemungkinan kaum yang dihina lebih baik dari kaum yang menghina, dan janganlah wanita memperlekehkan wanita yang lain kemungkinan wanita yang diperlekehkan itu lebih baik, dan janganlah mencela sesama kamu dan janganlah memanggil dengan panggilan yang buruk...". (Surah al-Hujurat (49) : 11).

## TIDAK BERSIKAP LUCAH

Perawat tidak seharusnya memandang dengan pandangan lucah terhadap pesakitnya, atau bercakap dengan bahasa lucah. Contohnya memuji bentuk badan atau anggota badan pesakitnya dengan bahasa lucah. Nas al-Quran menyatakan:

"...Dan bercakaplah dengan manusia dengan elok...". (Surah al-Baqarah (2) : 83).

## TATACARA MENGHADAPI PESAKIT NAZAK

Sabda Nabi s.a.w.<sup>4</sup>:

لقنوا موتاكم لا إله إلا الله

"Talqinkan mayat kamu akan kalimah لا إله إلا الله".

Dalam menghuraikan hadis ini, Imam al-Nawawi menyatakan:

قوله ( لقنوا موتاكم لا إله إلا الله ) معناه من حضره ال-موت ، وال-مراد ذكره لا إله إلا الله لتكون آخر كلامه كما في ال-حديث ( من كان آخر كلامه لا إله إلا الله دخل ال-جنة ) والأمر بهذا التلقين أمر ندب ، وأجمع العلماء على هذا التلقين ، وكرهوا الإكثار عليه وال-موالاة لئلا يضجر بضيق حاله وشدة كربه فيكره ذلك بقلبه ويتكلم بما لا يليق ، قالوا وإذا قال مرة لا يكرر عليه إلا أن يتكلم بعده بكلام آخر فيعاد التعريض به ليكون آخر كلامه ، ويتضمن ال-حديث ال-حضور عند ال-محتضر لتذكيره وتأنيسه وإغماض عينيه والقيام بحقوقه وهذا مجمع عليه

"Sabda Nabi s.a.w. ( لقنوا موتاكم لا إله إلا الله ) ) maksudnya ialah sesiapa yang dalam keadaan dihadiri oleh kematian. Dan dikehendaki ialah ingatkan ia dengan agar kalimah ini menjadi akhir kalamnya sebagaimana dalam hadis (Sesiapa yang akhir kalamnya لا إله إلا الله maka dia masuk syurga). Suruhan dengan mentalqinkan adalah suruhan sunat. Para ulama ijmak atas talqin ini, dan para ulama memakruhkan membanyakkan ke atas mayat dengannya dan berturut-turut supaya tidak berasa sempit dengan keadaannya dan dahsyatnya sakitnya lalu dia membenci akan demikian dengan hatinya dan dia bercakap dengan perkara yang tidak sewajarnya. Para ulama menyatakan bahawa apabila orang yang nazak berkata kalimah ini sekali maka tidak lagi diulang ke atasnya kecuali jika dia bercakap lagi selepas itu maka diulang lagi lafaz ini agar lafaz ini menjadi akhir kalamnya. Hadis ini mengandungi pengajaran agar hadir di sisi orang yang nazak untuk mengingatkannya, menenangkannya, menutup dua matanya dan melaksanakan hak-haknya. Ini disepakati para ulama".

---

<sup>4</sup> Riwayat Muslim. Lihat al-Nawawi, *Syarah Sahih Muslim*, kitab al-Janaiz, no hadis 917.

Sabda Nabi s.a.w. lagi<sup>5</sup>:

إذا حضرتم ال-مريض أو ال-ميت فقولوا خيرا فإن ال-ملائكة يؤمنون على ما تقولون

“Apabila kamu hadir orang sakit atau orang mati maka sebutlah baik maka sesungguhnya para malaikat mengaminkan atas apa yang kamu kata”.

Perkataan yang baik maksudnya sebagaimana huraian al-Nawawi:

فيه النذب إلى قول ال-خير حينئذ من الدعاء والاستغفار له وطلب اللطف به والتخفيف عنه ونحوه

“Dalam hadis ini galakan kepada perkataan yang baik ketika itu dari doa, istighfar memohon keampunan bagi si mati, memohon kelembutan rahmat bagi mayat dan keringan daripada si mati dan sebagainya...”.

Hikmah menutup mata mayat agar tidak nampak hodoh dengan mata terbuka dan terbeliak.

---

<sup>5</sup> Riwayat Muslim. Lihat al-Nawawi, *Syarh Sahih Muslim*, kitab al-Janaiz, no hadis 919.